

Radio Astro Sabah bekerjasama dengan UMS

UM 15-10-2014 26

KOTA KINABALU 14 Okt. - Pendedahan mengenai sistem penyampaian dan operasi sesebuah stesen radio perlu diketengahkan bagi memberi maklumat kepada mahasiswa yang mengikuti program komunikasi dan penyiaran.

Penyarah Penyiaran Universiti Malaysia Sabah (UMS), Mahat Jamal berkata, pendedahan awal itu mampu memberi input berguna kepada mahasiswa sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan sebenar.

“Untuk itu, Fakulti Kemanusiaan, Kesenian dan Warisan (FKSW) UMS mengadakan Bengkel Radio Astro yang dikendalikan oleh Pengurus Operasi Radio Astro Sabah, Syazleey Zalsyam di Bilik Mesyuarat Utama fakulti tersebut, semalam.

“Bengkel ini adalah sebahagian daripada subjek dalam kursus tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai operasi harian sesebuah stesen radio,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Seramai 100 mahasiswa daripada Kursus Penyiaran dan Kewartawanan dan Kursus Komu-

nikasi FKSW menyertai bengkel tersebut.

Yang turut memberi taklimat adalah Pengurus Jualan, Moon Liew; Eksekutif Muzik dan Penyampai dari Erafm Sabah, Illy Lia; Eksekutif Muzik dan Penyampai dari Hitzfm Sabah, Erica (Rica) Sham dan Eksekutif Muzik dan Penyampai dari Myfm Sabah, Mang Kuan.

Yang hadir sama Dekan FKSW, Prof. Datuk Hamdan Adnan. Beliau meluangkan masa menyampaikan cenderamata sebagai tanda penghargaan kepada wakil-wakil Astro Radio.

Sementara itu, Syazleey atau lebih dikenali sebagai DJ Uno berkata, bengkel seumpama ini memberi pendedahan dan taklimat kepada para mahasiswa mengenai fungsi stesen radio terutamanya Stesen Radio Astro.

Katanya, para mahasiswa perlu mengambil peluang itu bagi mendalami selok belok dunia penyiaran radio.

“Malah, kami merupakan stesen radio pertama di Malaysia yang memperkenalkan stesen radio format,” katanya.